

# Blogger didenda siar video masak, makan jerung putih

UM 1/2/2023 MS: 40

**BEIJING:** Seorang penulis blog makanan di China didenda sebanyak 15,000 Pound (RM78,766) selepas menyiarkan video dirinya sedang memasak dan menikmati hidangan jerung putih.

Lapor *Mirror*, pengengaruh yang dikenali dengan nama Tizi, memuat naik rakaman video itu dalam laman media sosial Douyin pada tahun lalu.

Video tersebut menunjukkan wanita itu sedang membeli jerung sepanjang kira-kira 1.82 meter dari sebuah kedai.

Tizi kemudian merakam gambar bersama jerung itu de-

ngan berbaring di sebelahnya, sebelum memasak dan memakan ikan berkenaan.

“Jangan terpedaya dengan saiz dan penampilan ikan pemangsa ini yang menakutkan, isinya sangat lembut,” katanya dalam video tersebut.

Dilaporkan, ikan jerung merupakan spesies terancam dan dilindungi dibawah undang-undang di China.

Pihak berkuasa Nanchong di wilayah Sichuan memaklumkan Tizi melanggar Undang-Undang Perlindungan Hidupan Liar China selepas ujian DNA daripada

sampel sisa tisu mengesahkan ia milik spesies jerung putih.

Jelas pihak berkuasa, Tizi dikenakan denda dan dua lagi individu yang terbabit dalam menangkap dan menjual jerung putih itu turut ditahan.

Video yang tular pada tahun lalu, mencetuskan pelbagai reaksi dengan rata-rata warganet berang dengan tindakan Tizi membeli spesies terancam berkenaan secara haram.

Wanita itu sebelum ini menyiarkan beberapa rakaman video dirinya sedang makan buaya dan burung unta.



**TIZI** merakam gambar bersama jerung putih dengan berbaring di sebelahnya, sebelum memasak dan memakan ikan itu. - AGENSI



**TIZI** menyiarkan video memasak hidangan jerung putih. - AGENSI